

Isi tempat kosong dengan kata berimbuhan yang sesuai.

Dapur moden kini _____ ruang yang lebih cantik dan _____ . Kabinet dapur _____ daripada batu, aluminium dan kayu. Dapur yang digunakan untuk _____ adalah seperti dapur gas atau dapur elektrik. _____ memasak pula seperti mesin _____, dapur nasi elektrik, ketuhar dan peti sejuk. Masakan yang _____ lebih cepat dan mudah kerana peralatan memasak kini _____ masa dan tenaga.

tersusun

memasak

menjimatkan

diperbuat

mempunyai

Peralatan

pengisar

disediakan

Pilih penggunaan kata berimbuhan yang betul.

Tikar kelasah boleh didapati di Sarawak. Tikar ini adalah warisan hasil seni budaya kraf tangan komuniti Bidayuh.

1. Tikar kelasah diperbuat daripada rotan dan kulit kayu yang _____ (**ambil**) daripada pokok bayuh sebagai bahan utama.
2. Pembuatan tikar ini menggunakan bahan semula jadi, termasuk _____ (**warna**) yang digunakan untuk mewarnakan rotan.
3. Rotan tersebut direndam di dalam air yang _____ (**campur**) dengan daun pokok rambutan.
4. Rotan _____ (**jadi**) warna hitam apabila direndam selama beberapa minggu.
5. Corak geometri, tulisan, masjid, tempayan, binatang dan rama-rama yang terdapat pada tikar kelasah telah _____ (**tarik**) ramai pelanggan.